

ORIGINAL



DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

POLISI TAJAAN

NO. DOKUMEN: DBB/GRMI/POL/007-03

NO. RUJUKAN: 03

TARIKH BERKUAT KUASA : 30 OGOS 2019

TARIKH SEMAKAN SEMULA : 8 NOVEMBER 2023



POLISI TAJAAN

1. PENGENALAN

Duopharma Biotech Berhad ("Duopharma Biotech/Syarikat") beriltizam untuk mencapai standard etika yang tertinggi dalam mematuhi semua undang-undang terpakai di setiap negara di mana Syarikat menjalankan perniagaan. Matlamat garis panduan ini adalah untuk memastikan bahawa tajaan yang diterima daripada pelanggan-pelanggan, pembekal-pembekal, lain-lain rakan niaga atau Pegawai Kerajaan mematuhi nilai-nilai Duopharma Biotech, polisi-polisi Syarikat dan undang-undang terpakai.

Memang diketahui bahawa, pembekal-pembekal dan subkontraktor-subkontraktor tertentu biasa membuat tawaran, atau diminta untuk memberi tajaan bagi acara-acara sukan, majlis makan malam tahunan, pengiklanan, membantu majlis-majlis, dan lain-lain sepertinya. Kelulusan untuk penajaan akan dipertimbangkan selaras dengan polisi penerimaan hadiah.

2. PROSES PENGISYTIHARAN & KELULUSAN

Tajaan yang diterima secara langsung oleh kakitangan Kelab Sukan Syarikat/Duopharma Biotech ("KSDBB") mesti dipantau kepematuhananya oleh Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan atau Wakil Integriti di setiap pejabat serantau, dan mesti direkod dan dilaporkan selaras dengan prosedur yang digariskan di bawah:

- Kelulusan bertulis **mesti** diperolehi daripada pihak pengurusan tertinggi di dalam Syarikat sebelum permohonan untuk tajaan dikemukakan kepada pembekal-pembekal, subkontraktor-subkontraktor dan lain-lain rakan niaga. Keterangan tentang acara/program mestilah dikepilkhan sebagai sokongan untuk permohonan tersebut.
- Tajaan dalam bentuk wang tunai hanya boleh diterima melalui pindahan wang ke dalam Akaun Syarikat atau Akaun Kelab Sukan Syarikat yang rasmi.
- Setiap resit untuk barang tajaan (dan nama penaja) mesti direkodkan dan satu salinan rekod tersebut mesti dikemukakan kepada Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan.
- Setiap barang tajaan hendaklah diagihkan melalui acara cabutan bertuah. Hanya

Tidak boleh dicetak atau diedar semula tanpa kebenaran daripada Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan

kakitangan **Gred JG15 ke bawah (Pengurus I dan Bawah)** yang berhak menerima **cabutan bertuah**. Satu daftar pemenang cabutan bertuah yang mengandungi butiran hadiah cabutan yang diterima hendaklah disimpan dan dikemukakan kepada Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan bagi tujuan merekod dan pemantauan.

3. TAJAAN YANG DILARANG

- Tajaan yang melanggar undang-undang Persekutuan atau Negeri yang terpakai atau polisi-polisi Syarikat. Ini termasuklah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“ASPRM”) 2009 (Akta 694) dan ASPRM (Pindaan) Akta 2018 (Akta 1567), Seksyen 595 Akta Syarikat Malaysia 2016, Akta Amalan Rasuah Negara Asing Amerika Syarikat (*U.S Foreign Corrupt Practices Act*), Akta Rasuah UK 2010 (*U.K Bribery Act*), UU RI No.31/1999 Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi dan UU RI No.31/1999 UU RI No.20/2001 Perubahan atas UU No.31/1999 tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi dan undang-undang pencegahan rasuah tempatan yang lain.
- Tujuan tajaan ialah untuk memperolehi Manfaat Tidak Wajar (erti, mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau kelebihan dalam menjalankan perniagaan dengan cara yang tidak betul; untuk mendorong penerima supaya menjalankan tugasannya dengan cara yang tidak betul).
- Penerimaan tajaan wang tunai (atau yang bersamaan dengannya) oleh kakitangan atau wakil Syarikat.
- Tajaan tersebut akan mewujudkan rasa terhutang budi dan mewajibkan Syarikat atau pekerjanya untuk melakukan sesuatu, sama ada berkaitan dengan kewangan atau tidak, yang tidak mungkin boleh dipenuhi dalam jangkamasa yang diperlukan oleh terma dan syarat tajaan tersebut.
- Tajaan tersebut mengandungi suatu permohonan kepada Syarikat untuk memulakan usaha komersil bagi manfaat penaja atau orang/entiti yang berkaitan dengannya.

Ketua Pengarah Kumpulan berhak menolak apa-apa tajaan yang tidak dikira untuk kepentingan terbaik Syarikat.

Setiap kakitangan, sekiranya khuatir tentang sifat atau tujuan sesuatu tajaan itu, hendaklah merujuk kepada Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan. Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan akan memutuskan, sama ada secara rundingan bersama atau sendiri, tentang tindakan seterusnya yang perlu diambil mengenai tajaan tersebut.

4. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN & PENGESAHAN AUDIT

Dokumen-dokumen tersebut perlu dikemukakan kepada Pengurus Integriti di dalam Jabatan Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan:

- i. Kelulusan oleh pihak berkuasa meluluskan tertinggi (Ketua Pengarah Kumpulan/Penaung Kelab Sukan Duopharma Biotech) untuk permohonan tajaan;
- ii. Borang permohonan/pelaporan tajaan;
- iii. Senarai barang yang ditaja oleh pihak ketiga;
- iv. Senarai wang tunai yang dipindahkan oleh pihak ketiga;
- v. Senarai barang yang dibeli menggunakan wang tunai yang diterima daripada pihak ketiga; dan
- vi. Senarai penerima barang tajaan.

4. PETA PROSES TAJAAN

